

Peranan Guru Membina Murid Menghadapi Cabaran Wawasan 2020

Ismail Abas, Ph.D
(Jabatan Pengajian Islam dan Moral)

ABSTRAK

Dalam memenuhi cabaran Ketujuh Wawasan 2020, negara memerlukan generasi guru yang berwibawa, mengawal sahsiah dan moral murid. Keberkesanan peranan guru pada masa ini akan mempengaruhi kualiti manusia yang akan mewarisi negara ini pada tahun 2020 dan sekaligus menentukan pencapaian matlamat wawasan negara. Peranan yang guru boleh mainkan antaranya adalah melihat pelajar secara positif dan melayaninya secara kemanusiaan, wujudkan budaya sayang menyayangi, *bekhudi*, yakni berusaha bukan hanya untuk kesempurnaan diri tetapi untuk kesempurnaan kumpulan, menggilap potensi, sahsiah, pengetahuan dan kemahiran murid, menghapuskan ciri negatif warisan keluarga murid, guru adalah *mursyid*, *zuhud*, amanah dan bersih peribadi daripada sebarang kejelekan serta guru perlu menguasai keilmuannya melalui penyelidikan yang berterusan.

ABSTRACT

*In fulfilling the 7th. Challenge of Vision 2020, our country needs teachers who are dedicated, and able to control the students' moral and attitude. The effectiveness of teachers' roles influence the qualities of our future generation in the year 2020 and will determine the nation's vision objectives achievement. Teachers' roles are having positive attitude at the students and treating them equally, inculcating love culture, *berkhundi*, which is achieving towards perfection not only to ourselves but also to the community, discovering own potential, attitude, knowledge and students' skills, eliminating the inheritance of the family's negatives values. Teachers are *mursyid*, *zuhud*, honest and having clean personality besides free from any disgrace and they have to master their knowledge through the on going research process.*

PENGENALAN

Membincangkan mengenai Wawasan 2020 bermakna menepong ke masa depan, menelaah apa yang bakal terjadi. Peneropongan ke masa depan menjadi semakin kritikal, kerana jika kita tidak peka dan bersiap sedia, berkemungkinan besar generasi kini akan berhadapan dengan kejutan masa depan yang membawa kepada kesan ke atas peribadi, psikologi dan sosiologi. (Alvin Toffler, 1990; Mohd. Kamal Hassan, 2006; Sidek Baba, 2006). Adalah amat penting generasi murid masa kini dipersiapkan

untuk menghadapi abad *futuristik* yang penuh dengan pelbagai cabaran yang bersifat global.

Sehubungan dengan itu Wawasan 2020 digubal bertujuan untuk dijadikan panduan kepada semua rakyat negara ini untuk membolehkan mereka menghadapi cabaran mendatang. Antaranya, cabaran Wawasan 2020 yang ketujuh berbunyi: *...membentuk sebuah masyarakat berbudi dan berbudaya penyayang, sebuah sistem sosial yang lebih mementingkan masyarakat daripada diri sendiri, dengan kebajikan rakyat tidak diasaskan kepada negara mahu pun individu, tetapi kepada sistem kekeluargaan yang kukuh lagi mantap* (MMKH, hal.4). Untuk merealisasikan hasrat tersebut, sebahagian besar usahanya terletak kepada peranan sistem pendidikan, kerana ia merupakan wadah penerapan nilai yang paling utama.

Bagi menghadapi cabaran ketujuh menjelang tahun 2020, negara memerlukan generasi guru yang benar-benar berwibawa. Guru mempunyai peranan paling penting, khususnya dalam mengawal keseimbangan moral murid, bertanggungjawab dalam mengawasi disiplin murid, agar mereka tidak hanyut dalam arus pembangunan kemewahan kebendaan yang begitu laju sekali.

Pembangunan kemewahan yang tumbuh begitu cepat, mudah sekali menghasilkan kemusnahan, baik alam fizikal, biologi, bahkan juga pada keruntuhan rohani dan kejiwaan. Pembangunan manusia kini menghadapi krisis ketidakseimbangan antara pembangunan kebendaan dengan kerohanian dan emosi. Kepesatan perkembangan teknologi yang tidak selaras dengan pembangunan aspek nilai dan moral boleh mengakibatkan manusia ketandusan nilai kemanusiaan sejati (Abu Bakar Abdul Majid & Sarina Othman, 1998; Tajul Ariffin Mohd. Noordin, 1992). Oleh itu, dalam membicarakan cabaran wawasan 2020 untuk melahirkan masyarakat penyayang, matlamat ini tidak akan tercapai jika usaha tidak dilakukan oleh semua pihak, lebih-lebih lagi sekolah dan rumah tangga.

Sekolah dan semua anggota termasuk guru besar, pengetua, guru, murid dan kakitangan adalah sebagai sebuah rumah tangga dan sebuah keluarga besar. Asas yang menjadi citra dan intipati sebuah rumah tangga yang pertama dan utama ialah kasih sayang. Sesungguhnya kasih sayang merupakan fitrah dalam diri manusia dan ia merupakan tenaga pengikat yang kuat sesama manusia. Malahan ia boleh diluaskan kepada haiwan, tumbuhan dan benda-benda bukan manusia. Bagi menjayakan sekolah penyayang yang penuh dengan perasaan kemanusiaan, kebajikan, kerjasama, hormat menghormati, ikram, berbudi bahasa dan seterusnya, guru-guru perlu mempunyai tanggapan yang betul dan positif tentang setiap anak didik yang berada di sekolah. Jika para pendidik melihat anak-anak dengan cara positif atau memikirkannya dengan cara positif, hasilnya akan jadi positif (Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin, 1993).

Turut membantu ke arah pembentukan sekolah penyayang ialah mengenal harga diri manusia. Sesungguhnya harga diri adalah anugerah Tuhan Maha Pencipta

yang amat mahal kepada setiap manusia. Ia berkait rapat dengan maruah, kebanggaan dan kehormatan diri. Guru dituntut untuk menghormati harga diri manusia, termasuk anak-anak. Dengan kata lain, guru tidak boleh melayan anak-anak seperti barang yang tidak bernilai seperti sampah atau menyumpah menyهران mereka. Layanan yang buruk akan menjejaskan maruah, kebanggaan, kehormatan dan harga diri. Justeru mereka akan merasa tersinggung, marah dan terhina yang mengakibatkan fitrah murninya diselubungi oleh dendam dan benci (Sidek Baba 2006; Mohd. Kamal Hassan 2006).

Sudah pasti berlaku ialah mereka akan merasa benci kepada guru, sekolah, pelajaran dan mungkin hilang kepercayaan kepada manusia. Ia akan dihinggapi dengan tekanan jiwa dan terdorong melakukan perbuatan salah laku. Sudah tentu pendidik tidak mahu sekolah memperlihatkan citra sebuah penjara atau citra sekolah budak nakal (Sidek Baba, 2006). Guru perlu bersama-sama berusaha sedaya upaya untuk menjadikan sekolah seperti rumah tangga supaya para murid dengan rasa bangga dan penuh perasaan menyatakan *Sekolahku Rumahku*. (Ahmad Mohamad Said & Khalif A.Harris, 2005). Dengan itu, semua pendidik perlu melihat murid dengan positif dan berusaha untuk melayani mereka atas prinsip-prinsip kemanusiaan. Dalam suasana yang positif dan mesra, benih-benih kasih sayang dan nilai-nilai kemanusiaan akan berkembang dengan subur.

Sesungguhnya sekolah akan menjadi rumah kedua, dan mungkin bagi sesetengah murid rumah pertama, iaitu tempat yang membahagiakan diri dan kehidupan mereka (Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin, 1993). Saranan Imam al Ghazali dalam karyanya *Ihya Ulumuddin* (t.t) mengenai peranan guru dalam pendidikan amat bertepatan dengan matlamat Wawasan 2020 yang ketujuh, iaitu untuk mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi. Ia merupakan sistem sosial yang mengutamakan kepentingan masyarakat kebajikan insan dan tidak akan berkisar kepada orang perseorangan tetapi pembentukan sebuah keluarga yang kukuh. Imam al Ghazali (t t) menegaskan bahawa guru perlu menanamkan rasa kasih sayang dalam kalangan murid dan mewujudkan rasa kasih sayang mereka terhadap murid-murid. Dari sinilah murid-murid akan terdidik agar bersifat sayang menyayangi dalam kehidupan bermasyarakat dan tidak mementingkan dirinya sahaja. Apa yang jelas dalam saranan Imam al Ghazali ialah kanak-kanak sejak daripada kecil lagi diasuh dengan didikan yang berbentuk keduniaan dan keakhiratan. Mereka perlu diasuh dengan didikan yang dapat membentuk sebuah masyarakat yang mempunyai semangat perjuangan yang tinggi dan tidak mudah patah semangat serta tidak mementingkan diri sendiri.

Ini penting kerana Malaysia terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik. Penekanan pendidikan dunia dan akhirat secara seimbang dan bersepadu akan memastikan masyarakat Malaysia tidak bersikap individualistik, materialistik dan

pesimistik, tetapi menunjukkan sikap sebaliknya, iaitu optimis, berakhlak dan tabah. (Abu Bakar Nordin, 1995).

Cabaran untuk mewujudkan masyarakat dan budaya menyayangi, melalui sistem sosial dilihat daripada konsep *Bekhudi* yang dibawa oleh tokoh pendidik Mohammad Iqbal (1983). Menurut Mohammad Iqbal *Bekhudi* akan wujud hasil daripada penyerapan *Khudi* dalam masyarakat. *Khudi* bermaksud berfikir yang bukan untuk menyempurnakan dirinya sahaja, malah berusaha ke arah kesempurnaan kumpulan untuk mewujudkan dan meyakini sebuah masyarakat yang penyayang dan dinamis. Bagi Mohammad Iqbal, pembangunan masyarakat terletak pada kebangkitan harga dirinya dan kebebasan dalam mengembangkan kreativiti, serta menyatakan keyakinannya. Mohammad Iqbal menekankan bahawa asas kepada sesebuah masyarakat yang dinamis adalah bermula dari setiap individu yang mempunyai tanggungjawab terlebih dahulu untuk menyempurnakan diri masing-masing, sebelum sesebuah masyarakat itu dibentuk.

Teori *khudi* yang diasaskan oleh Mohammad Iqbal memperlihatkan secara jelas akan sebuah masyarakat yang sentiasa berusaha mencapai kesempurnaan dalam kehidupan mereka. Sehubungan itu, bagi mencapai ciri-ciri masyarakat tersebut, tingkah laku, akhlak dan pekerti zahir ahli masyarakat mestilah menunjukkan manifestasi taraf kebersihan rohaniah (Muhd. Labib, 1981 & Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1977). Nilai mempunyai pengaruh kritikal dalam perkembangan diri manusia, khususnya ke atas perkembangan moral, sosial, intelektual dan kerohanian. Oleh itu, orientasi nilai amat penting dalam mencorakkan perkembangan sahsiah (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2001)

Pendidikan Islam dan Moral Dalam Kurikulum

Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang direalisasikan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah meletakkan pendidikan nilai pada asas yang kukuh dalam sistem pendidikan kebangsaan. Penekanan kepada moral dan nilai direalisasi dengan menjadikan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral sebagai mata pelajaran wajib adalah selaras dengan Wawasan 2020. Penekanan ini diharapkan masyarakat Malaysia dalam abad ke-21 bukan sahaja mampu berdaya saing dalam negara perindustrian, tetapi juga mempamer ciri-ciri sahsiah yang cemerlang. Penerapan nilai-nilai murni dibuat melalui pendekatan pendidikan nilai merentasi kurikulum, termasuk kurikulum tersirat, (kegiatan kokurikulum dan amalan tingkah laku). Usaha ini di diharapkan menghasilkan budaya sekolah penyayang (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1988). Di samping itu peranan yang dimainkan oleh komuniti pendidikan adalah sangat kritikal dalam mempertahankan nilai-nilai positif yang dapat menjamin amalan dan pelaksanaan nilai hidup bermoral, beretika dan berguna dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara (Mohd. Kamal Hassan, 2006).

Peranan Guru Membina Watak Anak Bangsa

Guru perlu sentiasa menyedari bahawa teori dan ilmu pengetahuan hanya akan berfaedah kepada muridnya apabila ia diseimbangkan dengan amalan. Latihan yang mencukupi diperlukan memastikan sesuatu praktis atau amalan muridnya mencapai tahap cemerlang. Begitu juga dalam mengekalkan minat murid supaya menguasai teori atau ilmu pengetahuan dan seterusnya melakukan amalan melalui latihan hingga menjadi mahir atau cemerlang. Dengan kata lain ilmu dan amalan itu hendaklah bermakna kepada mereka (Abdul Halim Muhammady, 1986). Sesuatu ilmu dan amalan itu akan bermakna kepada murid apabila:

- i) mereka memahami faedah ilmu dan amalan ilmu dalam kehidupan seharian mereka dan kesan buruk jika tidak mempunyai ilmu dan amalan berkenaan.
- ii) semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan potensi mereka dari segi rohani, intelek, emosi dan jasmaninya dilibatkan secara aktif.
- iii) murid mampu atau berupaya menerima ilmu dan melakukan amalan yang disediakan oleh guru.
- iv) guru dapat mengekalkan pengaruhnya terhadap muridnya melalui kemantapan ilmu dan kemahirannya juga mempunyai ciri sahsiah yang boleh dicontohi, dan
- v) maklumat, pengetahuan dan ilmu yang disampaikan dapat difahami isi kandungannya tanpa keraguan dan pada masa yang sama memahami cara atau kaedah dan kemahiran untuk mengaplikasikan maklumat, pengetahuan dan ilmu tersebut dalam pelbagai situasi kehidupan sebenar mereka..

Guru perlu memahami dan menyedari bahawa sekolah adalah sebagai jambatan yang menghubungkan antara keluarga setiap murid dan masyarakat yang akan dianggotai oleh murid apabila tamat persekolahan mereka .

Pengaruh Keluarga

Dalam konteks ini sekolah yang diwakili oleh guru dipertanggungjawabkan oleh masyarakat untuk membantu, memupuk dan mengukuhkan sahsiah anak mereka. Pada masa yang sama sekolah hendaklah memberi mereka pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi berbagai cabaran hidup dengan berkesan dan seterusnya dapat menyesuaikan diri, memperbaiki lagi sahsiah, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang akhirnya akan dapat menyumbang kepada keharmonian dan pembangunan masyarakat dan negaranya (Mohd. Kamal Hassan, 2006).

Guru juga perlu menyedari bahawa keluarga mempunyai pengaruh yang besar terhadap ciri rohani, intelek, emosi dan jasmani setiap murid. Oleh itu guru perlu mengenal pasti ciri atau potensi muridnya secara terperinci, memotivasikan mereka untuk mengembangkan ciri atau potensi yang positif ketahap maksimum dan secara beransur-ansur mempengaruhi mereka untuk mengurangkan dan akhirnya menghapuskan ciri negatif warisan keluarga mereka. Konsep sekolah sebagai

jambatan ini memerlukan guru memahami dengan mendalam tentang latar belakang keluarga muridnya serta persekitaran masyarakat setempat (Wan Mohd.Nor Wan Daud, 2003).

Kualiti Peribadi Guru

Apabila kita ingin memperbaiki akhlak murid, perbincangan secara serius tentang akhlak / kualiti peribadi guru juga adalah perlu. Ini kerana guru merupakan sumber kepada murid dalam semua perkara untuk mendapatkan ilmu dan semangat, juga sumber untuk dicontohi dalam pembinaan akhlak yang baik. Guru bukanlah sebagai robot atau alat untuk menyampaikan ilmu tetapi ia berperanan lebih luas dari itu (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1988). Antaranya untuk menanam nilai-nilai insani melalui keilmuan dan pendidikan bagi menghidupkan potensi-potensi dalaman dan luaran dalam diri murid supaya dapat berkembang dan berfungsi dengan sebaik-baiknya sebagaimana yang disediakan oleh Allah S.W.T. Guru adalah pendidik dan mursyid di samping menjadi penyampai ilmu. Maka guru perlulah memiliki kualiti peribadi yang tinggi serta mampu menyampaikan risalahnya sebagai pendidik (Al Ghazali, t.t).

Antara sifat yang perlu ada pada guru ialah sifat *zuhud* dan bekerja untuk mencari keredaan Allah S.W.T. Dalam Islam seseorang ahli ilmu dianggap berdosa kalau ia membisu dan tidak mahu membantu si jahil. Dengan sikap sebegini, seseorang guru akan bekerja keras dengan segala kemampuan untuk meningkatkan ilmu muridnya tanpa memikirkan sangat habuan yang bersifat kebendaan. Sebenarnya kualiti peribadi seumpama ini wujud dalam kalangan guru generasi terdahulu. Seterusnya, semangat inilah yang telah menggerakkan mereka menjelajah ke merata tempat untuk menyampaikan ilmu di samping membuka pusat-pusat pengajian walaupun kemudahannya amat terbatas sekali (Abdul Halim Muhammady, 1986).

Guru perlu mempunyai kebersihan peribadi daripada segala kejelekan sama ada dari segi percakapan, tindakan atau perasaan. Guru juga perlu memiliki budi pekerti yang bebas daripada perasaan dengki, takabur, riya, tamak, pemarah dan sebagainya. Hatinya hendaklah sentiasa ikhlas dalam menjalankan tugas kerana keikhlasan seseorang itu sering kali jelas tergambar melalui cara ia bertindak. Perbuatan pula haruslah dapat menggambarkan apa yang diucap, di samping sentiasa mempunyai keinginan untuk menambah dan mendalami ilmu.

Di dalam kitab *Ihya Ulumuddin*, Imam al Ghazali menegaskan, guru perlu bersikap dan bertindak seperti ayah atau ibu dalam hubungannya dengan murid. Sikap ini bukan sahaja dapat menambahkan perhatian guru untuk peningkatan ilmu dan akhlak murid, malah turut memberi peluang kepada mereka untuk mendidik murid seperti mendidik anak sendiri. Selain itu, guru hendaklah menguasai mata pelajaran

yang diajarnya. Penguasaan ilmu sudah tentu memerlukan pembacaan yang luas dan pengkajian yang berterusan.

Kemampuan guru yang sedemikian akan dapat membina keyakinan dalam kalangan murid dan ibu bapa (Wan Mohd Nor Wan Daud, 2003). Guru perlu juga ada kemampuan untuk menilai kecenderungan dan kegemaran seseorang murid supaya dapat memudahkannya membentuk murid dengan menggunakan cara dan bahan yang sesuai. Guru perlu mempunyai sifat amanah dalam menjalankan tugas dan terhadap ilmu (kefahaman penyampaian dan penghayatannya). Dengan adanya sifat-sifat ini akan terhasillah tugas kerja yang sempurna, prestasi yang sentiasa meningkat dan pencapaian yang memuaskan sama ada terhadap dirinya, murid, pihak pentadbir atau pengurus.

PENUTUP

Sembilan cabaran yang dikemukakan dalam Wawasan 2020, kebanyakannya mempunyai persamaan dari segi tindakan, orientasi dan matlamat dengan idea-idea yang diutarakan dalam cabaran ketujuh iaitu mencapai matlamat wawasan negara bagi menghasilkan modal insan yang dihasratkan oleh Y.A.B Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Bagi mencapainya, negara memerlukan generasi guru yang benar-benar berwibawa kerana keberkesanan peranan guru pada masa ini akan mempengaruhi kualiti manusia yang akan mewarisi negara ini pada tahun 2020 dan sekali gus menentukan wajah *acuan sendiri* generasi Malaysia. Maka dengan langkah-langkah yang disebutkan di atas, diharapkan guru berusaha dengan cemerlang dalam mendidik anak-anak yang bakal menyambung sejarah tamadun bangsa pada masa akan datang. Merekalah anak-anak harapan yang akan mengukuhkan kedudukan bangsa dalam arena pertembungan kebudayaan dan pemikiran dengan bangsa-bangsa lain.

RUJUKAN

- Abdul Halim Muhammady (1986). Peranan guru dalam pendidikan islam. *Jurnal Pendidikan Islam*, Tahun 1, Bil 4 Dis. hal:8.
- Abd. Rahim Abd. Rashid (2001). *Nilai-nilai murni dalam pendidikan: menghadapi perubahan dan cabaran alaf baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Abu Bakar Nordin. (1995). *Penilaian afektif*. Kajang: Masa Enterprise.
- Ahmad Mohammad Said & Khalif Muammar A.Haris. (editor). (2005). *Pembangunan watak bangsa: Pemerkasaan nilai-nilai murni pendidikan*. Bangi: Kolej Darul Hikmah.
- Alvin Toffler (1990). *Kejutan dan gelombang*. (Terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hussein Hj. Ahmad (2001). *Mandat UNESCO dan cabaran globalisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
<http://www.wawasan2020.Org>
<http://www.DasarPembangunaNegara.Org>
<http://www.Chegu.Net>
- Imam al Ghazali, Abu Hamid, Muhammad bin Muhamad. (t t) *.Ihya Ulumuddin*. Juz 1 xvi, Beirut: Daral-Fikri.
- Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) (2005) *Tonggak dua belas: Penerapan nilai, norma dan etika perkhidmatan*. Kuala Lumpur : Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Mohammad Iqbal. (1991). *Javid Namah :Kitab keabadian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka..
- Mohammad Iqbal. (1983). *Asrar-i-Khudi, rahsia-rahsia peribadi* (Terjemahan). Jakarta: Bahrum Rangkuti.
- Mohd Kamal Hassan (2006). *Keutuhan budaya & moral*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mortimer J. Adler (1988), *Reforming education: The opening of the american mind*.G.U. Doren (ed) USA: Mac.Millan.
- Tajul Ariffin Mohd Noordin & Nor Aini Dan (2002). *Pendidikan pembangunan manusia*. Bangi: As Syabab Media.
- Tajul Ariffin Mohd. Noordin & Nor Aini Dan (1992). *Pendidikan dan wawasan 2020*. Kuala Lumpur : Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Wan Mohd.Nor bin Wan Daud. (2003). *Budaya ilmu: Satu penjelasan*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin. (1993). *Wawasan pendidikan: Agenda pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.